

Prosiding

كولوکیوم انارابڠسا فرادبت ویلایه تیمور لایت
KOLOKIU ANARABANGSA

Peradaban Wilayah Timur Laut 2023

Wibawa Sosiobudaya, Ekonomi dan Pelancongan
Wilayah Timur

4-6 OGOS 2023

**UNIVERSITI FATONI,
PATTANI, THAILAND**

Penyelenggara

**A AZIZ DERAMAN
ROSLI K. MATARI
SHARRUL RIZAL HASHIM
MUHAMAD IKHRAM FADHLY HUSSIN**



Prosiding

كولو كيو م انتارابangsa فدادبن ويلييه سيبور لاوت
KOLOKIU M ANTARABANGSA
**Peradaban
Wilayah
Timur Laut
2023**

Wibawa Sosiobudaya, Ekonomi dan Pelancongan
Wilayah Timur

4-6 OGOS 2023

**UNIVERSITI FATONI,
PATTANI, THAILAND**

Penyelenggara

**A AZIZ DERAMAN
ROSLI K. MATARI
SHARRUL RIZAL HASHIM
MUHAMAD IKHRAM FADHLY HUSSIN**



Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan
(PERADABAN)
2023

Cetakan Pertama 2023
 Hak cipta © Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penulis atau Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN). Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Prosiding Kolokium Antarabangsa Peradaban Melayu Wilayah Timur Laut 2023.
 Tema: Dinamika Sosiobudaya, Ekonomi dan Pelancongan Wilayah Timur Laut.

e ISBN 978-967-2913-11-5



Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan
 (online)

Penyelenggara:
 A AZIZ DERAMAN,
 ROSLI K. MATARI
 SHARRUL RIZAL HASHIM,
 MUHAMAD IKHRAM FADHLY HUSSIN

Editor:
 SHARRUL RIZAL HASHIM
Pereka bentuk kulit:
 DIYA IKHLAS AYRISHA
Susun Atur:
 RAHAYU ABDUL RASHID

Penerbit:
 Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN)
 d/a : Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur,
 Lot PT-107-109, Jalan Abdul Kadir Adabi,
 15200 Kota Bharu,
 Kelantan Darul Naim.
 Tel : 012-4931700 Faks : 09-7475252
 E-mel : peradabankelantan@yahoo.com.my

KANDUNGAN

Kertas Kerja Utama

1	MENDEPANI CABARAN GLOBALISASI TERHADAP BAHASA DAN BUDAYA MELAYU DI WILAYAH TIMUR LAUT A Aziz Deraman	1
2	MEMBANGUN MASYARAKAT MADANI DI PATANI, SELATAN THAILAND Asst.Prof. Dr. Ahmad Omar Chapakia	15
3	PERANAN ASEAN MALL SEBAGAI 'GATEWAY' DAN PEMANGKIN EKONOMI ASEAN TERUTAMANYA DI WILAYAH TIMUR LAUT Nu'man Hani Jamal, Jamal Mohd Amin	20
4	TAHAP PENGUASAAN KENDIRI PEDAGOGI TERBEZA DALAM KALANGAN PENOLONG KANAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DALAM DAERAH KOTA BHARU Aniza bintit Yusoff	30
5	SEJARAH PELABUHAN DI KELANTAN; GRAFIKAL DAN POTRET KENANGAN Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff, Dr. Mustafa Ahmad, Datuk Dr. Sabirin Ja'afar	41
6	KAJIAN CITARASA RESTORAN TOMYAM KE ATAS PELAJAR UNIKL MIMET BERDASARKAN TEORI PILIHAN RASIONAL Aizat Khairi & Ibrahim Ahmad	58
7	PATRIOTISME DALAM KARYA KREATIF PATANI: SATU ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP NOVEL THE MURDER CASE OF TOK IMAM STORPA KARDE DAN LUKANYA MERAH Mohamed Nazreen Shahul Hamid	67
8	ANALISIS MAKNA PERIBAHASA MELAYU-THAI DALAM KONTEKS 'MENDIDIK' MELALUI PERSPEKTIF SEMANTIK INKUISITIF Mohd Ridzuan Md Nasir, Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud	76
9	REPRESENTASI ADAT RESAM DAN BUDAYA MASYARAKAT SIAM KELANTAN DALAM KESUSASTERAAAN MELAYU Roslan Chin, Tuan Rusmawati Raja Hassan	85
10	TINGKAT-TINGKAT KEPERLUAN KEHIDUPAN DARIPADA PEMIKIRAN DUA PENULIS SERUMPUN: SATU ANALISIS BANDINGAN ANTARA DUA KUMPULAN PUISI Sohaimi Abdul Aziz, Sairah Abdullah	94
11	PEMULIHARAAN MASJID LAMA KEDAI MULONG: MENYINGKAP KEINDAHAN SENI BINA ISTANA TRADISIONAL MELAYU KELANTAN Sahrudin Mohamed Som	105
12	PENGHAYATAN AKHLAK TASAWUF DI DALAM MENANGANI MASALAH KEMEROSOTAN AKHLAK PELAJAR SEKOLAH AGAMA: KAJIAN KES DI BACHOK KELANTAN Mohamad Zamri Ali, Nawi@Mohd. Nawi Ismail, Azizah Hussin	115
13	MEMBINA CITRA BUSANA DAN PERHIASAN TRADISIONAL MELAYU KELANTAN KEPADA GENERASI Z Tuan Siti Mastazameatun	128
14	AMALAN PENGGUNAAN HALIA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI KAMPUNG NETING, TUMPAT, KELANTAN Mohd Affiq Affandy Azlizan & Yusmilayati Yunos	139
15	PENGETAHUAN LOKAL DALAM TRADISI PENGOBATAN PENYAKIT DALAM DUA MANUSKRIP MELAYU RIAU DAN KELANTAN Mu'jizah	148

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

**PEMULIHARAAN MASJID LAMA KEDAI MULONG: MENYINGKAP KEINDAHAN
SENI BINA ISTANA TRADISIONAL MELAYU KELANTAN**

Sahrudin Mohamed Som

Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong telah dilaksanakan pada tahun 2009 dengan pendekatan restorasi yang menekankan pengembalian kepada reka bentuk, bahan dan teknik pertukangan asal. Masjid Lama Kedai Mulong telah dibina pada hujung abad ke-19, asalnya merupakan balairong seri milik Raja Dewa yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Bangunan ini telah dibeli oleh penduduk kampung pada tahun 1958 dan dipindah ke Kampung Kedai Mulong untuk dijadikan sebuah masjid. Pengubahsuaian dan penambahan oleh penduduk ke atas struktur yang berusia lebih 100 tahun ini telah menenggelamkan keindahan seni bina asalnya sebagai sebuah balairong seri istana. Tujuan penulisan kertas kerja ini adalah bagi menjelaskan bagaimana kerja-kerja pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong telah berjaya mengembali dan menonjolkan semula keindahan nilai seni bina bangunan yang menjadi representasi kepada keindahan istana tradisional Melayu Kelantan. Kajian menggunakan kaedah diskriptif kualitatif bersumberkan data primer dan sekunder, melibatkan temubual dengan respond terpilih dan analisis kandungan rekod serta dokumen projek pemuliharaan. Hasil penyelidikan menunjukkan, pemuliharaan pada tahun 2009 telah berjaya menyerlahkan semula ciri-ciri asal seni bina bangunan dengan kaedah merobohkan struktur tambahan baharu dan mengembalikan bahan dan komponen binaan asal. Penemuan elemen mural pada sebahagian dinding dalam bangunan tambah melengkapkan lagi keindahan dan ketinggian seni bina Masjid Lama Kedai Mulong.

Kata Kunci: Istana tradisional Melayu Kelantan, Masjid Lama Kedai Mulong, nilai seni bina, pemuliharaan bangunan warisan.

PROSIDING KOLOKIU ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

Pengenalan

Bangunan Istana mempunyai peranan yang penting di dalam sesebuah kerajaan sejak zaman berzaman. Menurut Anthony Reid (2011), bangunan istana di Asia Tenggara mempunyai peranan di dalam menunjukkan kuasa politik, pegangan agama dan hierarki sosial sesebuah kerajaan. Oleh itu adalah penting untuk bangunan istana dibina dengan sebaik mungkin menggunakan pengetahuan dan teknologi yang ada pada waktu tersebut. Ciri-ciri seni bina bagi sesebuah istana lazimnya dapat dilihat pada reka bentuk pintu gerbang yang megah, penggunaan ragamhias yang indah, struktur kerangka bumbung yang kompleks dan beragam serta menjadi cerminan kepada status juga kekayaan penghuninya.

Walaupun dibina sebagai bangunan berstatus tinggi dan merupakan hasil pertukangan yang baik, bangunan istana tetap tidak terlepas dari isu berkaitan pemuliharaan. Pemuliharaan bangunan istana tradisional di Asia Tenggara diketahui telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk kepesatan proses urbanisasi, sumber pemuliharaan yang terhad dan kurangnya kesedaran berkaitan kepentingan warisan budaya (Belinda Yuen, 2011). Kurang pengetahuan dan ketiadaan kemahiran di dalam pengurusan dan pemuliharaan bangunan yang betul juga telah menyebabkan berlakunya intervensi yang salah ke atas sesebuah bangunan dan seterusnya menjejaskan nilai kepentingan budayanya (Aina N *et al*, 2021).

Bangunan Masjid Lama Kedai Mulong adalah satu contoh bagaimana sebuah bangunan berstatus tinggi di dalam masyarakat telah mulai pudar sinar keindahannya kerana kurang mendapat usaha pemuliharaan dan penjagaan yang baik. Bermula sebagai sebuah balairong seri, masjid ini telah dipindahkan dari lokasi asalnya dan diubahsuai menjadi sebuah masjid oleh penduduk kampung Kedai Mulong, Kota Bharu, Kelantan. Kerja-kerja pengubahsuaian kepada masjid telah dilakukan oleh penduduk kampung yang umumnya tidak memahami konsep pemuliharaan pada waktu itu, telah mengakibatkan sebahagian keindahan ciri-ciri reka bentuk dan seni bina asal bangunan hilang. Namun begitu usaha pemuliharaan pada tahun 2009 yang melibatkan kerjasama di antara Jabatan Warisan Negara dengan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah berjaya mengembalikan semula sinar keindahan seni bina bangunan yang menjadi sebahagian representasi kepada istana tradisional Melayu Kelantan.

Pemuliharaan Bangunan Warisan

Pemuliharaan adalah proses menjaga sesuatu tempat supaya nilai kepentingan budayanya dapat dikekalkan (Burra Charter, 2013). Menurut ICOMOS (2004), pemuliharaan bangunan warisan melibatkan proses pengurusan perubahan ke atas sesuatu tapak atau bangunan warisan dengan cara yang dapat mengekalkan nilai kepentingannya, di samping berusaha untuk menonjol dan memperkukuhkan nilai tersebut untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Justeru kerja-kerja pemuliharaan perlu dilaksanakan dengan mengekalkan reka bentuk asal sesebuah bangunan di samping menjalankan proses dan langkah yang perlu bagi memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan (JWN, 2017).

Dalam konteks pemuliharaan bangunan warisan, nilai warisan dan keaslian seni bina mempunyai hubungan yang erat. Nilai warisan merangkumi nilai sejarah, estetika, budaya, ilmiah, sosial, dan keagamaan yang terkandung dalam suatu bangunan atau kawasan. Keaslian seni bina pula merujuk kepada ciri-ciri asal pada sesebuah bangunan, termasuk reka bentuk, bahan, teknik pembinaan dan konteks budaya atau sejarahnya (JWN, 2012). Justeru mengekal dan memulihara keaslian seni bina dianggap penting kerana dapat menjaga dan mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan. Menurut NPA, (2017), pemuliharaan yang berjaya adalah pemuliharaan yang memastikan

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

ciri-ciri asal sesebuah bangunan tidak diubah, dirosak atau dihilangkan, sebaliknya dipelihara dan diperbaiki dengan menggunakan teknik dan bahan yang sesuai.

Seni bina Istana Tradisional Kelantan

Seni bina tradisional adalah merujuk kepada gaya, teknik dan kaedah pertukangan sesebuah jenis bangunan yang mana pengetahuan ini telah diturunkan dari satu generasi ke generasi lain. Seni bina ini juga mempunyai karektor yang khusus seperti penggunaan bahan dan kaedah pembinaan tempatan, mempunyai reka bentuk yang responsif terhadap iklim mahupun budaya setempat serta sangat menekankan fungsi dan nilai estetik (Hamka *et al*, 2021). Seni bina tradisional juga merangkumi pelbagai gaya dan bentuk seni bina dari jenis bangunan 'vernakular' yang mencerminkan tradisi tempatan hinggalah kepada struktur monumen yang mempunyai kepentingan kepada budaya dan agama.

Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan khazanah seni bina tradisional, dari yang kecil seperti wakaf hinggalah kepada bangunan bersaiz lebih besar seperti masjid dan istana. Di antara bangunan istana di negeri Kelantan dengan seni bina tradisional Melayu Kelantan adalah bangunan Istana Balai Besar dan Istana Jahar yang kedua-duanya terletak di Kota Bharu. Di antara ciri-ciri penting bagi seni bina istana tradisional Melayu Kelantan adalah penggunaan kayu sebagai bahan utama yang diperolehi dari hutan sekitar negeri Kelantan, seperti kayu Cengal dan Meranti (Keumala, N., *et al*, 2012). Penggunaan kayu dalam pembinaan istana yang merupakan bangunan berstatus tinggi di dalam masyarakat, telah membuktikan kearifan dan kemahiran para tukang kayu Melayu dalam mengolah bahan ini pada masa dahulu (Mashitah *et al*, 2021). Istana tradisional Melayu Kelantan juga mempunyai ciri khas iaitu bumbung bertingkat yang melambangkan status dan keagungan istana. Kemas bumbung pula lazimnya menggunakan kepingan jubin bumbung yang diperbuat dari tanah liat dikenali sebagai genting Singgora (Chen, V. F., 1998).

Ruang lantai istana tradisional Melayu Kelantan pada asasnya bersifat terbuka tanpa banyak dinding dalaman supaya boleh disesuaikan mengikut keperluan dan fungsi berlainan. Ini mencerminkan adaptasi seni bina Melayu terhadap kehidupan sosial dan budaya masyarakatnya. Istana tradisional Melayu Kelantan juga direka bentuk dengan mengambilkira keperluan ventilasi dan pencahayaan semula jadi. Dinding-dinding bangunan mempunyai lubang angin dan tingkap yang membolehkan udara dan cahaya masuk ke ruangan dalaman istana. Ragamhias yang diperbuat dari ukiran kayu yang halus, rumit dan bermotif juga adalah satu ciri penting seni bina istana tradisional Melayu Kelantan yang bertujuan mengindahkan lagi hasil penampilannya. Lazimnya hasil ukiran kayu yang indah ini akan diletakkan pada beberapa bahagian dan komponen binaan seperti dinding, pintu dan bingkai tingkap yang melambangkan kekayaan, keindahan, dan ketinggian seni bina sesebuah istana tradisional Melayu Kelantan.

Masjid Lama Kedai Mulong

Masjid Lama Kedai Mulong terletak di mukim Kedai Mulong iaitu kira-kira 11km dari bandar Kota Bharu dan kini telah dikenali dengan nama Masjid Ar Rahman. Pada asalnya struktur binaan masjid ini adalah merupakan sebuah balairong seri yang terletak di Kota Bharu yang dimiliki oleh Tuan Zainal Abidin atau lebih dikenali dengan gelaran Raja Dewa (S M Som, 2018). Raja Dewa merupakan salah seorang putera kepada Sultan Muhammad III dan saudara kandung kepada Sultan Muhammad IV yang memerintah Kelantan dari tahun 1944 hingga 1960. Menurut penduduk kampung mukim Kedai Mulong, lokasi asal balairong

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

seri ini adalah di tapak bangunan UMNO di Kota Bharu pada hari ini. Lokasi ini adalah berhampiran dengan kawasan perkampungan raja di Kota Bharu dan terletak berhampiran

dengan bangunan-bangunan penting seperti Istana Jahar, Istana Balai Besar, Istana Batu dan Masjid Muhammadi.



Gambar 1: Masjid Lama Kedai Mulong sebelum kerja pemuliharaan
(Sumber: JWN, 2009)

Sehingga kini tahun pembinaan balairong seri Raja Dewa masih belum diketahui dengan tepat tetapi dianggarkan telah dibina sekitar penghujung abad ke 19. Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, bangunan balairong seri dengan seni bina tradisional Melayu Kelantan ini telah terbiar tidak digunakan dan kurang mendapat penjagaan dari pewarisnya. Memandangkan struktur bangunan yang masih kukuh, maka pada tahun 1958 penduduk kampung mukim Kedai Mulong telah bersepakat membeli bangunan ini untuk dijadikan sebagai masjid di tempat mereka. Ini kerana pada masa itu, penduduk Kampung mukim Kedai Mulong tidak mempunyai masjid sendiri dan terpaksa pergi ke masjid mukim lain yang terletak agak jauh untuk menunaikan solat jumaat.

Struktur binaan Masjid Lama Kedai Mulong telah dibuat menggunakan kayu sebagai bahan binaan utama dan dilengkapi dengan genting Singgora sebagai kemas bumbung. Sesuai dengan fungsi asalnya sebagai sebuah balairong seri, Masjid Lama Kedai Mulong menampilkan keindahan gaya seni bina sebuah istana tradisional Melayu Kelantan dengan ciri-ciri reka bentuk dan elemen binaan khusus. Bangunan ini telah dibina tanpa mempunyai sebarang struktur tiang di bahagian ruang tengah yang merupakan reka bentuk yang praktikal bagi sebuah balairong seri. Dindingnya juga telah dibina tanpa mempunyai sebarang tingkap yang bertujuan menjaga privasi sewaktu berlangsungnya aktiviti rasmi seperti upacara kebesaran, pertemuan kerajaan dan acara penting lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data kajian telah diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Data primer adalah berdasarkan temubual yang dijalankan dengan individu yang terlibat di dalam pelaksanaan projek pemuliharaan yang terdiri dari pegawai projek, perunding projek, penduduk kampung dan pengalaman penulis sendiri yang terlibat secara langsung di peringkat awal pelaksanaan projek. Data sekunder pula sebahagian besarnya diperolehi dari laporan-laporan berkaitan pelaksanaan projek

PROSIDING KOLOKIU ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

termasuk Laporan Akhir dan Laporan Kemajuan di samping buku, artikel jurnal dan bahan penerbitan bercetak mahupun tidak bercetak.

Fokus temu bual dengan responden adalah berkisar pendekatan pemuliharaan dan skop kerja pemuliharaan serta bagaimana setiap kerja yang terlibat telah menyumbang di dalam menyerlahkan semula keindahan Masjid Lama Kedai Mulong sebagai salah satu bangunan dengan seni bina istana tradisional Melayu yang masih ada di negeri Kelantan. Manakala data sekunder telah memberikan latarbelakang, prinsip dan konsep pemuliharaan bangunan warisan sebagaimana amalan semasa, ciri-ciri seni bina istana tradisional dan butiran lengkap setiap kerja yang telah dilakukan sepanjang pelaksanaan projek pemuliharaan.

Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong

Kerja-kerja pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong telah dilaksanakan oleh Jabatan Warisan Negara, Malaysia dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kelantan. Projek pemuliharaan ini telah mengambil masa tujuh (7) bulan untuk dilaksanakan dan telah siap sepenuhnya pada 25 Mei 2009 dengan kos bernilai RM843,000 (JWN, 2009). Kerja-kerja pemuliharaan ini telah dilakukan dengan pendekatan restorasi yang menekankan kerja baikpulih ke atas struktur binaan sediaada dengan membuang komponen atau struktur binaan baharu dan mengembalikan struktur serta elemen asal binaan yang hilang. Aplikasi pendekatan restorasi ini adalah bertujuan mengembalikan ciri-ciri reka bentuk asal bangunan dan sekaligus memudahkan penghayatan ke atas nilai estetik bangunan yang asalnya sebuah balairong seri. Melalui pendekatan restorasi ini, terdapat tiga (3) skop utama kerja-kerja pemuliharaan sebagaimana berikut;

a) Kerja-kerja Membuang Binaan Tambahan baharu

Terdapat tiga struktur binaan baharu yang telah dibuat oleh penduduk tempatan ke atas bangunan asal iaitu binaan tandas dan tempat wuduk, binaan mihrab dan binaan *porch* hadapan. Binaan tambahan ini didapati telah memberi kesan ke atas reka rupa fizikal bangunan dan perlu dirobuhkan atau digantikan dengan bahan binaan yang lebih sesuai bagi mengembalikan ciri-ciri reka bentuk asal bangunan. Kerja-kerja perobohan struktur tambahan dan menanggal bahan kemas baharu adalah sebagaimana berikut;

i. Binaan tandas dan tempat wuduk di sisi kanan dan kiri masjid

Setelah struktur bangunan dibangunkan semula sebagai sebuah masjid, penduduk Kampung Kedai Mulong telah membina dua buah tandas beserta tempat wuduk di bahagian kiri dan kanan masjid. Kedua-dua binaan ini telah dirobuhkan dengan berhati-hati bagi memastikan tidak menjejaskan struktur asal masjid yang diperbuat dari kayu. Selepas kerja perobohan, permukaan dinding di bahagian kiri dan kanan dapat dilihat secara menyeluruh dan menonjolkan keseluruhan permukaan dinding yang dibina menggunakan dinding papan kembang atau dinding janda berhias.

ii. Binaan ruang tambahan mihrab masjid

Di bahagian hadapan dinding arah kiblat, terdapat sebuah ruang tambahan baharu diperbuat dari kayu yang dibina secara bersambung dengan ruang solat utama masjid. Memandangkan ruang ini merupakan hasil pembinaan baharu, maka struktur tambahan ruang mihrab ini telah dirobuhkan. Setelah kerja perobohan selesai dilakukan maka bentuk asal ruang dalaman bangunan yang

PROSIDING KOLOKIU ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

berbentuk segiempat tepat telah berjaya dikembalikan dan memudahkan kefahaman orang ramai tentang keadaan asalnya sewaktu berfungsi sebagai balairong.

iii. Struktur tangga batu bumbung

Sebelum kerja-kerja pemuliharaan dijalankan, terdapat binaan struktur tangga batu di bahagian hadapan, sisi kiri dan kanan masjid. Tangga di bahagian hadapan juga dibina lengkap dengan bumbung seperti sebuah *porch*. Keseluruhan struktur binaan baharu ini telah dirobekkan setelah dikenalpasti sebagai struktur binaan baharu ke atas bangunan asal.

iv. Menanggal kepingan bumbung asbestos bergelugur

Bumbung sediaada yang menggunakan kepingan bumbung asbestos bergelugur merupakan bahan kemas baharu bumbung. Kemas asal bumbung adalah menggunakan kemas genting Singgora yang merupakan bahan lazim bagi banyak bangunan tradisional di Kelantan dari rumah hinggalah kepada istana. Justeru kemas bumbung asbestos telah dikenalpasti sebagai bukan kemas asal bangunan dan telah ditanggalkan.

v. Menanggalkan kepingan siling

Sebelum kerja pemuliharaan, bahagian bumbung ruang dalam masjid telah ditutup dengan binaan siling baharu dari kepingan siling asbestos. Kerja-kerja membuka keseluruhan binaan siling asbestos ini telah dilakukan dengan cermat memandangkan ianya bercantum dengan sebahagian struktur asal bumbung. Hasil membuka semula binaan kemas siling telah mendedahkan keindahan struktur kerangka bumbung bangunan yang diperbuat dari kayu berkualiti tinggi lengkap dengan ragam hiasnya iaitu empat pasang 'buah buton' yang dihias indah dengan lukisan emas.

vi. Mengikis lapisan cat dinding

Sebelum kerja-kerja pemuliharaan dijalankan, keseluruhan permukaan dinding masjid telah dicat menggunakan warna berasaskan minyak berwarna putih. Namun setelah penelitian lanjut dilakukan, didapati kemas cat tersebut bukanlah kemas asal dinding di bahagian dalam dan luar bangunan. Justeru, kerja membuang lapisan cat ini telah dilakukan dengan mengikis permukaan cat pada dinding masjid. Hasil kerja menanggal cat di bahagian dalaman masjid, telah mendedahkan terdapatnya mural pada permukaan panel dinding dalam yang dilukis menggunakan cat warna emas, hitam, hijau dan merah. Pelbagai motif dan reka corak telah ditemukan pada mural tersebut dan memberikan bayangan keindahan ruang dalaman asal bangunan ini.

b) Kerja-kerja Mengembalikan Bahan dan Komponen Asal

Pendekatan pemuliharaan melalui pendekatan restorasi memerlukan kerja dan proses untuk mengembalikan struktur, elemen dan kemas asal bangunan. Kerja-kerja yang terlibat adalah sebagaimana berikut;

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

i. Menggantikan dinding papan dengan dinding panel

Sebahagian besar struktur dinding asal bangunan yang menggunakan dinding panel atau juga dipanggil 'dinding janda berhias' masih terdapat pada bangunan

walaupun ada yang mengalami kerosakan akibat kerja ubahsuai di peringkat awal. Namun terdapat juga bahagian dinding yang hilang dan telah digantikan dengan dinding jenis papan menegak. Justeru dinding papan menegak ini telah dibuang dan digantikan dengan dinding panel baharu.

ii. Menggantikan kemasan bumbung dengan genting Singgora

Sebelum kerja-kerja pemuliharaan, kemasan bumbung adalah menggunakan kemasan dari jenis kepingan asbestos bergelugur. Namun berdasarkan analisis reka bentuk dan penemuan kepingan genting Singgora bersama kayu gulung-gulung (*batten*) pada bumbung bangunan, telah mengesahkan bahawa kemasan asal bumbung adalah menggunakan genting Singgora (S M Som *et. al.*, 2020). Justeru bagi mengembalikan rupabentuk asal bumbung, genting Singgora telah digunakan semula sebagai kemasan bumbung bangunan.

iii. Memasang pemeleh pada bumbung

Berdasarkan kajian perbandingan ke atas reka bentuk bumbung bangunan dengan gaya seni bina serupa khususnya Istana Balai Besar telah mendapati, pemeleh bumbung adalah elemen reka bentuk yang penting untuk dikembalikan ke atas bumbung Masjid Kedai Mulong. Justeru bagi mendapatkan keaslian reka bentuk bumbung, dua pasang papan pemeleh telah diletakkan pada bahagian tebar layar lapisan bumbung yang paling atas.

iv. Mengganti bahagian jejala yang hilang dengan rekaan jejala asal

Bahagian atas dinding mempunyai binaan jejala yang diperbuat dari kayu yang disusun dengan corak geometrik pengaruh cina yang bertujuan membolehkan pengudaraan ke ruang dalaman bangunan yang pada asalnya tidak mempunyai sebarang binaan tingkap. Oleh kerana terdapat bahagian jejala yang telah hilang, maka replikasi jejala baharu dengan reka corak asal telah dihasilkan bagi menggantikan bahagian jejala asal yang telah hilang.



Gambar 2: Masjid Lama Kedai Mulong selepas kerja pemuliharaan
(Sumber: Jabatan Warisan Negara)

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

c) Kerja-kerja Adaptasi Fungsi Baharu

Di dalam projek pemuliharaan ini, skop kerja tidak tertumpu hanya ke atas usaha mengembalikan keaslian reka bentuk dan seni bina asal bangunan, tetapi juga mengambil kira keperluan fungsi semasa dan keindahan kawasan sekitarnya. Justeru beberapa kerja pembinaan baharu telah turut dimasukkan ke dalam skop kerja projek sebagaimana berikut;

i. Anjung dan Tangga hadapan

Anjung dan tangga hadapan merupakan binaan tambahan baharu yang dibina bagi memudahkan pengguna masjid untuk masuk ke masjid selain dari tangga di lokasi asal sisi kiri dan kanan bangunan. Namun reka bentuk tangga dan anjung telah disesuaikan dengan gaya seni bina bangunan asal.

ii. Binaan tandas dan tempat wudhuk

Oleh kerana tandas dan tempat wudhuk yang telah dibina penduduk yang bercantum dengan bangunan masjid telah dirobuhkan, maka tempat wudhuk dan tandas baharu telah dibina bagi kegunaan ahli jamaah masjid. Namun bagi mengelakkan struktur binaan baharu ini menjejaskan reka bentuk keseluruhan masjid, maka ianya telah dibina secara terpisah dengan bangunan masjid.

Pagar masjid

Masjid pada asalnya tidak mempunyai sebarang binaan pagar. Namun bagi tujuan keselamatan dan menandakan kedudukan tapak masjid, struktur pagar telah dibina dengan reka bentuk yang dianggap bersesuaian dengan bangunan.

iii. Tingkap

Bagi meningkatkan kualiti pengudaraan ruang dalam masjid, beberapa buah tingkap telah dibina pada dinding masjid dengan mengikut petak panel dinding supaya tidak menjejaskan keindahan reka bentuk dinding janda berhias masjid.

iv. Lanskap sekitar

Halaman dan persekitaran tapak masjid juga diindahkannya lagi dengan beberapa elemen lanskap lembut dan kejur seperti pokok-pokok hiasan dan lampu taman. Ini bertujuan menyerlahkan lagi keindahan keseluruhan kawasan masjid samada pada waktu siang mahupun malam.

Kesimpulan

Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong telah berjaya dilaksanakan dengan pendekatan restorasi yang memberi tumpuan kepada usaha mengembalikan keaslian reka bentuk dan identiti seni bina asalnya. Proses pemuliharaan yang melibatkan kerja-kerja meroboh struktur dan elemen binaan baharu, mengembalikan komponen dan bahan binaan asal serta beberapa pembinaan baharu, telah berjaya menyerlahkan semula nilai estetik bangunan yang asalnya merupakan sebuah balairong seri milik Raja Dewa.

PROSIDING KOLOKIUUM ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023

Sebagai sebahagian institusi istana raja Melayu Kelantan, balairong seri ini telah dibina dengan kemahiran pertukangan dan kualiti senibina yang tinggi. Kualiti seni bina yang tinggi ini tidak hanya mencerminkan kemewahan dan keindahan, tetapi juga menjadi simbol kekuasaan, kebudayaan, dan identiti kerajaan Melayu Kelantan. Justeru dengan adanya usaha pemuliharaan ini, bangunan Masjid Lama Kedai Mulong akan menjadi salah satu karya rujukan berkaitan seni dan teknologi pertukangan istana tradisional Melayu Kelantan. Selain itu, penemuan mural pada dinding janda berhias Masjid Lama Kedai Mulong juga merupakan sesuatu yang menarik untuk dikaji lanjut kerana penggunaan mural sebagai ragamhias di dalam istana tradisional Melayu adalah sangat jarang diketahui mahupun dibincangkan

PROSIDING KOLOKIU ANTARABANGSA PERADABAN WILAYAH TIMUR LAUT 2023**Rujukan**

- Aina Nasuha binti Norazahar, Siti NurHanun binti Ayub & Aniza Jamaludin (2021), Lipis Bandar Warisan: Menyingkap Sejarah Bangunan Pentadbiran Kuala Lipis, Jurnal Sejarah Lisan Malaysia, ISSN 2600-7088 JILID 5 ISU 2
- Anthony Reid (2011), Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680: Jilid II Jaringan Perdagangan Global Asia Tenggara, Yayasan Pustaka Obor Indonesia, ISBN 978-979-461-107-4
- Belinda Yuen (2011), Centenary paper: Urban planning in Southeast Asia: Perspective from Singapore, *The Town planning review* 82(2):145-167, DOI: 10.2307/27975989
- Burra Charter (2013), *The Burra Charter: The Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance*, Deakin University Burwood, VIC 3125 Australia
- Chen Voon Fee (1998) *The Encyclopedia of Malaysia, Volume 5: Architecture*. Archipelago Press, 36, 40-41, 60.
- Hamka & Sri Winarni (2021) Comparative Understanding of Traditional Architecture based on Literature Review: Refining the Definition of Traditional Architecture, *International Journal of Architecture and Urbanism* Vol. 05, No. 03, 2021 | 252 – 262
- International Council on Monuments and Sites (ICOMOS). (2004). Principles for the Conservation of Heritage Sites in China. Beijing: State Administration of Cultural Heritage, China ICOMOS. Retrieved from: <https://www.icomos.org/charters/china-e.pdf>
- Jabatan Warisan Negara (2009), *Laporan Akhir Projek Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong, Kelantan*
- Jabatan Warisan Negara (2012), *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*, Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur
- Jabatan Warisan Negara (2017), *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*, Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad & Anita Ismail (2021), Kearifan Tempatan Dalam Seni Bina Rumah Tradisional Melayu: Warisan Bernilai Yang Dilupakan, USIM
- National Park Service (NPS) (2017), *The Secretary Of The Interior's Standards For The Treatment Of Historic Properties With Guidelines For Preserving, Rehabilitating, Restoring & Reconstructing Historic Buildings*, U.S. Department of the Interior
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal (2012), Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia, *Journal of Design and Built Environment*, Vol.11, Dec 2012
- Sahrudin Mohamed Som (2018) *Masjid Lama Kedai Mulong*; Buletin TERAJU, Universiti Malaysia Kelantan, Edisi 38 (m.s 18)
- Sahrudin Mohamed Som, Ayub Awang dan Izati Nabila Marzuki (2020), *Pemuliharaan Genting Singgora: Kajian Kes projek Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong, Kelantan*, Bab dalam Buku Peradaban Wilayah Timur Laut: Menyemarakkan Sejarah, Kebudayaan dan Persuratan dalam Peradaban Wilayah Timur laut, ISBN 978-967-2913-02-3(m.s 18)